

# PTPP: Pertubuhan mahu guru besar rancang strategi

Oleh Norliza Abdullah

**K**UALA LUMPUR: Dua pertubuhan guru mahu ahlinya menyusun strategi bagi melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran pengurusan sekolah dalam mencapai matlamat Pelan Tindakan Pembangunan Pendidikan 2006-2010.

Yang Dipertua Persidangan Kebangsaan Pengetua Sekolah-Sekolah Menengah Malaysia (PK-PSMM), Azam Mat Atan, berkata pengetua sebagai peneraju sekolah bertanggungjawab terhadap pelaksanaan program dan dasar kerajaan bagi mengukuhkan sistem pendidikan sedia ada.

Katanya, mereka bukan hanya memantau kegiatan pengajaran dan pembelajaran (P&P) serta mengawal selia guru, tetapi perlu mempunyai kemahiran pengurusan tinggi serta peka terhadap perkembangan semasa.

Beliau berkata, langkah itu sejajar dengan usaha kerajaan memantapkan profesion pengurusan ke tahap lebih cemerlang serta mempunyai daya saing tinggi.

"Bagi membantu kerajaan merealisasikan perancangan lima

**“Bagi membantu merealisasikan pembangunan pendidikan negara, kita menyediakan pelbagai kegiatan peringkat negeri dan kebangsaan”**

tahun pembangunan pendidikan negara, kita menyediakan pelbagai kegiatan peringkat negeri dan kebangsaan.

"Ia merangkumi ceramah dan kursus yang diadakan dari semasa ke semasa dengan menjemput penceramah serta profesional bagi membolehkan pengetua mengadaptasi pengalaman mereka menguruskan sekolah mengikut keperluan dan kesesuaian keadaan," katanya kepada *Berita Harian*, di sini, semalam.

Beliau berkata demikian mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada majlis pelancaran Pelan Tindakan Pembangunan Pendidikan 2006-2010 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, kelmarin.

Katanya, perhatian khusus kepada pengetua kerana mereka adalah golongan diberikan mandat penuh bagi mengukuhkan fungsi sesebuah sekolah.

Mengenai teras dua pelan berkenaan, beliau berkata, pembangunan modal insan memerlukan perhatian khusus dan pemilihan institusi pendidikan sebagai saluran sesuai kerana ia mampu memupuk semangat murni di kalangan generasi muda.

Sementara itu, Yang Dipertua Gabungan Majlis Guru Besar Malaysia, Awang Mohamad, berkata tanggungjawab guru besar perlu dikaji semula supaya ia menjurus ke arah pengurusan sekolah secara berkesan.

"Peranan guru besar perlu diperkasakan dengan menyediakan latihan serta kursus dari semasa ke semasa, termasuk menaik taraf statusnya menerusi program pengsiswazahan guru besar tanpa mengira had umur berbanding pelaksanaan sekarang kurang 48 tahun," katanya.

Azam Mat Atan  
Yang Dipertua PK-PSMM

ANALYSIS  
SHIP  
PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
PERDANA  
ANALYSIS  
SHIP  
PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION